

Bengkel Kultivasi Perladangan Karas Dan Gaharu Sabah – 28 & 29 Ogos 2014

Jumaat, 21 November 2014 08:42



- MALAY VERSION ONLY -

TEKS UCAPAN Pengerusi MTIB Sempena

Bengkel Kultivasi Perladangan Karas dan Gaharu Sabah Anjuran MTIB dan Universiti Malaysia Sabah (UMS)

di Dewan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) Sabah, Kota Kinabalu Industrial Park

28 & 29 Ogos 2014

Selamat pagi dan Salam 1 Malaysia,

Yang dihormati Dekan Fakulti Sains dan Sumber Alam, Ketua Wilayah MTIB Sabah, para penceramah jemputan, peserta Bengkel Kultivasi Perladangan Karas dan Gaharu Sabah, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur; Bahagian Perladangan Hutan, MTIB yang telah menjemput saya untuk merasmikan bengkel Kultivasi Perladangan Karas dan Gaharu Sabah ini. Bengkel ini merupakan bengkel kali kedua seumpunya yang diadakan oleh MTIB selepas penganjuran kali pertama pada tahun 2010 bersama Persatuan Pengusaha Gaharu Bumiputera (PENGHARUM). Bengkel kali ini menumpukan aspek Perladangan Karas dan Penghasilan Gaharu itu sendiri. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, bengkel ini juga bukanlah merupakan yang pertama kali dianjurkan oleh MTIB, malah merupakan hampir 80 siri bengkel dan seminar telah dilaksanakan semenjak tahun 2006 lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Pokok Karas dan Gaharu merupakan spesies yang termaktub dalam Apendiks II, Konvensyen CITES. Oleh itu, bagi semua urusan pendaftaran ladang dan perdagangan antarabangsa bagi keluaran Karas dan Gaharu perlu dikemukakan kepada MTIB bagi Semenanjung Malaysia dan Sabah, atau kepada Jabatan Perhutanan Sarawak bagi pemohon di Sarawak. Ini adalah kerana Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) adalah merupakan Pihak Berkuasa Pengurusan atau Management Authority (M.A.) bagi Convention on International Trade of Endangered Species of Wild Flora and Fauna (CITES) untuk Semenanjung Malaysia dan Sabah, manakala Jabatan Perhutanan Sarawak pula adalah M.A. bagi negeri Sarawak. Pihak Berkuasa yang telah dilantik ini bertanggungjawab memastikan perdagangan eksport, import dan eksport semula spesies flora dan fauna yang tersenarai di dalam Apendiks CITES mematuhi semua peraturan CITES dan ini termasuklah spesimen atau barangan kayu Karas dan Gaharu.

Di samping itu, Akta Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Terancam 2008 (Akta 686) telah dikuatkuasakan pada Julai 2010 juga menyenaraikan Karas dalam Jadual Ketiga bagi spesies kayu yang mana semua pengusaha, pemilik ladang, penanam dan individu yang menghasilkan tumbuhan dibiakkan secara buatan (artificially propagated) bagi maksud perdagangan komersial perlu mendaftar dengan MTIB dan Jabatan Perhutanan Sarawak. Sehingga kini seramai 49 penanam Karas telah berdaftar dengan MTIB merangkumi kawasan ladang seluas 937 hektar.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Industri Karas dan Gaharu di negara ini bukanlah industri yang baru pada kita semua. Semenjak dahulu lagi, Gaharu telah menjadi kegunaan seharian. Saya turut difahamkan bahawa industri Karas dan Gaharu di negara ini mula meningkat populariti dengan mendadak bermula tahun 2005. Setahun demi setahun, industri

ini berkembang pesat dengan penambahan peladang-peladang Karas di Malaysia. Berdasarkan statistik eksport Malaysia 2013, nilai eksport bagi produk Karas dan Gaharu mencatat RM 23.32 juta. Daripada jumlah ini, RM 20.8 juta adalah daripada produk Gaharu berupa woodchips/woodblock dan nilai Pati Minyak Gaharu pula adalah sebanyak RM2.25 juta.

Dari segi isipadu pula, eksport produk Karas/Gaharu pada tahun 2013 berjumlah 199,583 kilogram, yang menunjukkan penurunan sebanyak 0.2 peratus berbanding tahun 2012 dengan jumlah 199,999 kilogram. Daripada jumlah ini, sebanyak 169,935 kilogram produk kayu Karas/Gaharu atau 85 peratus adalah terdiri daripada woodchips/woodblock yang telah dieksport ke pasaran utama seperti Taiwan (69,002 kilogram), Singapura (62,700 kilogram) dan Vietnam (24,166 kilogram). Manakala 104.24 liter minyak Gaharu pula telah dieksport ke destinasi pasaran utamanya iaitu Singapura (83 liter) dan UAE (17 liter).

Berdasarkan statistik tersebut, terdapat penurunan dalam jumlah kilogram kayu Gaharu yang dieksport daripada 199,999 kilogram pada tahun 2012 kepada 199,583 kilogram pada tahun 2013. Walaupun terdapat penurunan jumlah kilogram tersebut, nilai eksport Gaharu mencatatkan peningkatan sebanyak 132% iaitu daripada RM 10.04 juta pada tahun 2012 kepada RM 23.32 juta pada tahun 2013. Ini adalah disebabkan berkemungkinan kayu Gaharu yang dieksport ini mempunyai kualiti yang lebih bagus walaupun kuantiti yang sedikit. Melihatkan perkembangan yang positif ini, adalah amat wajar dan bertepatan bagi industri ini untuk mendapatkan bekalan Gaharu yang berterusan daripada sektor perladangan Karas. Permintaan pasaran yang masih tinggi dapat dilihat melalui trend penjualan Gaharu yang telah berubah dari negara Timur Tengah dan kini menjangkau ke negara Asia Timur seperti Taiwan, Jepun dan China.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Minat masyarakat Malaysia dalam perladangan Karas dan pengeluaran Gaharu didapati meningkat sejak kebelakangan ini. Saya telah dimaklumkan bahawa MTIB menerima pertanyaan setiap minggu daripada orang ramai berkaitan potensi industri ini dan bantuan yang boleh disediakan oleh kerajaan. Kursus atau seminar mengenai potensi Gaharu bukan sahaja dianjurkan oleh agensi kerajaan yang terlibat dalam sektor ini, bahkan pihak swasta dan pengusaha perladangan karas dan pengeluar Gaharu turut mempromosi aktiviti ini. Sehubungan itu, saya berpandangan bahawa bengkel anjuran bersama antara MTIB dan Universiti Malaysia Sabah hari ini adalah sangat bertepatan untuk menghimpun semua pihak terbabit sama ada daripada sektor awam mahupun pihak swasta untuk kita sama-sama bertukar-tukar pandangan serta menyokong pembangunan industri perladangan Karas dan pengeluaran Gaharu. Ini akan menjadikan industri ini lebih terancang dan terpandu kepada satu hala tuju yang jelas sekaligus berkemampuan untuk dilaksanakan dengan jayanya.

Sebagai kesimpulan, adalah menjadi harapan saya agar Bengkel Kultivasi Perladangan Karas Dan Gaharu Sabah ini dapat memberikan manfaat dan faedah yang berterusan kepada peladang Karas yang baru mahupun yang telah lama berkecimpung dan menjadi platform untuk bertukar-tukar fikiran ke arah memajukan lagi prestasi industri ini sehingga mampu menjadi sumber pertumbuhan baru bagi industri perindustrian negara, seiring dengan era bioteknologi dan inovasi pada hari ini. Semoga semua pandangan dan maklum balas yang diperoleh dalam bengkel ini dapat digarap untuk dijadikan garis panduan ke arah kelestarian industri perladangan Karas dan Gaharu di Malaysia.

Akhir kata dengan sukacitanya saya merasmikan Bengkel Kultivasi Perladangan Karas dan Gaharu Sabah pada hari ini.

Sekian, terima kasih

DATUK MADIUS TANGAU
PENGERUSI MTIB
28 OGOS 2014